

200 Ahli PKR Cabang Libaran, Sandakan Dan Batu Sapi Keluar Parti, Sokong BN Bernama
26 April, 2013

SANDAKAN, 26 April (Bernama) -- Dua ratus anggota PKR cabang Libaran, Sandakan dan Batu Sapi bertindak keluar parti dan menyatakan sokongan kepada Barisan Nasional (BN).

Mereka diketuai Ketua Penerangan Cabang PKR Libaran Mohd Mirudin bersama Ahli Jawatankuasanya (AJK) Lee Chi Ui, AJK cabang PKR Sandakan Isnain Amat dan AJK cabang PKR Batu Sapi Tahir Husin.

Mereka berkata tindakan keluar parti dibuat berikutan telah hilang kepercayaan terhadap pucuk pimpinan PKR negeri dan pusat kerana mendakwa tidak berlaku adil.

"Tiada keadilan dalam PKR, kami di peringkat akar umbi dibohongi serta dijanjikan termasuk berhubung pemilihan calon untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) ini.

"Pemimpin PKR Sabah memberikan macam-macam janji tetapi pada saat akhir penentuan calon PKR di Sabah termasuk di Libaran, Batu Sapi dan Sandakan yang dibuat oleh pucuk pimpinan pusat tunggang terbalik. Kami kecewa dan terasa dianiaya," kata Mohd dalam perjumpaan dengan Pengerusi BN Sabah Datuk Seri Musa Aman di sini, Khamis malam.

Isnain pula berkata kira-kira 400 lagi anggota PKR dari tiga cabang itu akan keluar parti kerana hilang kepercayaan dengan pucuk pimpinan PKR yang tidak mempunyai hala tuju dalam memperjuangkan masa depan rakyat negara ini terutama di negeri Sabah.

Sementara itu, Musa menyifatkan tindakan anggota PKR itu menunjukkan rakyat sedar bahawa BN mempunyai kepimpinan berwibawa dan mempunyai rekod yang baik dalam memerintah negara.

Beliau berkata mereka yakin dengan kepimpinan BN diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan manifesto BN untuk PRU13 ini menambahkan lagi keyakinan itu.

Berbeza dengan parti pembangkang yang tidak mempunyai perancangan dan persefahaman di kalangan mereka, bergaduh sesama sendiri dan berlaku tidak adil termasuk kepada anggota mereka, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945253>